



Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh

TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN YANG BERUSAHA

PROF. MADYA TS. DR. MOHD HISBANY MOHD HASHIM
REKTOR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA HARI ICT (HITC) 2019

**DEWAN BESAR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
19 SEPTEMBER 2019H / 19 MUHARRAM 1441H**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى عَالِيِّهِ وَصَاحِبِيهِ أَخْمَمِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته *dan Salam Sejahtera*

Terima kasih Saudara/I Pengacara Majlis.

- Yang Berbahagia Profesor Datin Dr. Noor Habibah Hj. Arshad
Penolong Naib Canselor Infostruktur, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Yang Berusaha Puan Hajah Sariani Sarijo
Pengarah Pengurusan ICT Jabatan Infostruktur, UiTM
- Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Pulau Pinang
- Wakil-Wakil Rektor Kampus Cawangan
- Wakil-Wakil Daripada Badan-Badan Korporat, Swasta, Sekolah-Sekolah
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

1. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinan-Nya jua, dapat kita berada di **Hari ICT (HICT) 2019 anjuran Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Infostruktur UiTM Shah Alam serta Bahagian Infostruktur UiTM Zon Utara** dipenghujungnya.
2. Di kesempatan ini, saya secara peribadi dan juga mewakili pengurusan tertinggi serta warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung** dalam menjayakan HICT 2019 dengan tema “ICT Pemacu Transformasi” yang bermula semalam dan seterusnya bakal melabuhkan tirainya pada hari ini.
3. Sesungguhnya, UiTM Cawangan Pulau Pinang **bertuah dan amat berbesar hati menjadi tuan rumah dan menerima kehadiran semua** yang datang dari seluruh pelusuk tanahair ke kampus cawangan ini. Tidak lupa juga kepada **dif-dif kehormat, para jemputan, pempamer, rakan strategik, peserta, pengunjung, petugas, pengiring dan kesemuanya**, memainkan peranan masing-masing dengan begitu baik sekali. Sudah tentunya, tulang belakang kepada HICT UiTM 2019 iaitu **urusetia, ahli jawatankuasa sinergi Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan Jabatan Infostruktur UiTM Shah Alam dan Bahagian Infostruktur UiTM Zon Utara** yang menterjemahkan HICT UiTM 2019 dengan

cemerlang. Pujian harus diberikan dengan segala keringat dan masa yang telah dikorbankan bermula sejak awal tahun lagi malah sejurus ketika diberikan amanah dan tanggungjawab penganjuran. Terima kasih.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sekiranya di sepanjang perjalanan HICT UiTM 2019 ini berlangsung, jika terdapat sebarang **kekhilafan** dan **ketidakselesaan** yang berlaku, pihak kami **memohon ampun dan maaf kepada tuan-tuan dan puan-puan.** Pihak kami senantiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para tetamu agar berada dalam keadaan yang kondusif dan memuaskan.
5. **Tahniah dan syabas kepada semua pemenang pertandingan dan permainan dalam HICT UiTM 2019 ini.** Diharap kunjungan semua ke UiTM Cawangan Pulau Pinang meninggalkan kenangan yang indah dan terpahat di hati masing-masing untuk kembali semula menjadi tetamu kami lagi.
6. Akhir kalam, tahniah dan terima kasih kepada **YBhg Prof Ts Dr Mohd Fozi Ali, YBhg Prof Datin Dr Noor Habibah Arshad, YBrs Puan Hajah Sariani Sarijo, TM One, CISCO, INTEL, VSTECS Pericomp, KLG System, Fortesys, sekolah-sekolah dan warga UiTM sekalian** untuk segala sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Dengan penuh tawakal dan keizinanNya semoga kita mendapat kesejahteraan dan keberkatanNya saya dengan lafaz

**Bismillahir Rahmannir Rahim dengan segala sukacitanya
merasmikan penutupan Hari ICT UiTM (HICT) 2019.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.